

Kurikulum Permata ikut keperluan kanak-kanak Malaysia

KEPALA BATAS 20 Mei - Kurikulum pusat pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak Pusat Anak Permata Negara (Permata) akan disesuaikan mengikut acuan dan keperluan kanak-kanak di negara ini walaupun konsep asalnya berpandukan amalan pusat asuhan di luar negara.

Isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor berkata, konsep asal Permata yang berdasarkan amalan Pusat Kecemerlangan Kanak-Kanak Pen Green di Corby, London diubah suai dengan memberi penekanan kepada modul pendidikan yang sesuai dengan perkembangan

minda kanak-kanak Malaysia.

Beliau yang juga Pengerusi Kumpulan Penasihat Permata Negara berkata, Permata menekankan matlamat untuk membangunkan kanak-kanak atau remaja yang ada jati diri, berkeyakinan, kreatif dan mempunyai tahap intelektual yang tinggi.

"Permata mengamalkan konsep penjagaan dan didikan yang bersepadu merangkumi aspek pemakanan, kesihatan, penglibatan ibu bapa dan komuniti," kata Rosmah ketika berucap pada majlis perasmian Permata Kepala Batas di Kubang Mene-

Ulm - 21/5/2007.
rong di sini hari ini yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin.

Permata di Kubang Menerong adalah antara lima projek perintis yang dilaksanakan di negara ini bagi menyahut seruan Perdana Menteri untuk membangunkan modal insan berminda kelas pertama dan berakhlak mulia.

Program itu yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dengan peruntukan sebanyak RM20 juta akan diperluaskan ke seluruh negara menjelang akhir tahun ini menerusi pembinaan 10 lagi Permata.

Pada majlis itu, sebanyak empat syarikat korporat menghulurkan sumbangan untuk Permata iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia sebanyak RM100,000, Kumpulan UEM (RM30,000), Gamuda Bhd. (RM30,000), TM Malaysia (RM20,000) dan Yayasan Harapan Kanak-Kanak Malaysia (RM15,000).